

GOOD ANIMAL HUSBANDRY PRACTICE (GAHP)

Program Good Animal Husbandry Practices mengandungi amalan-amalan yang baik dalam pengilangan seperti berikut:

1. Amalan Penternakan yang Baik (Good Animal Husbandary Practices (GAHP):

Pengusaha ladang digalakkan mengamalkan kaedah penternakan yang baik seperti memberikan makanan yang sesuai, air bersih, menjaga kebajikan ternakan dan menjaga tahap kebersihan ladang yang tinggi.

2. Pengurusan Kesihatan Ternakan:

Program ini memastikan ternakan bebas daripada penyakit.

3. Biosekuriti:

Pengusaha ladang perlu mewujudkan program biosekuriti untuk mencegah kemasukan pembawa agen penyakit ke dalam ladang. Contohnya ladang hendaklah mempunyai pagar dan kawalan terhadap manusia atau haiwan masuk ke ladang.

4. Infrastruktur:

Pengusaha ladang perlu menyediakan bangunan dan kemudahan yang sesuai, selamat dan selesa.

5. Penggunaan Ubat-Ubatan Veterinar:

Penggunaan ubat-ubatan Veterinar mestilah terkawal dan tidak berlebihan. Ini bagi mengelakkan terdapat residu di dalam produk haiwan.

6. Program kawalan pencemaran alam sekitar:

Pengusaha ladang perlu memastikan langkah-langkah diambil untuk memastikan aktiviti-aktiviti penternakan tidak mencemar persekitaran (air, tanah, bau, udara).